

Nasionalisme Baharu

Kemenangan Donald Trump dalam Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat (AS) yang berlangsung pada 8 November 2016 sesungguhnya memeranjatkan banyak pihak, termasuk dunia. Banyak tinjauan pendapat, ramalan, bahkan perkiraan matematik, meramalkan Hillary Clinton akan menang selesa.

ZULKIFLI SALLEH



Tatkala Trump yang ditinggalkan oleh sebilangan pemimpin daripada partinya sendiri, Republikan, menunjukkan kemaraan luar biasa pada malam pengiraan undi (Rabu siang waktu Malaysia), media, yang kebanyakannya menyokong Clinton, berpandangan antara satu sama lain seakan-akan enggan menerima keputusan yang luar jangkaan sama sekali. Meskipun ada masanya Clinton mendahului Trump, misalnya berikutan kemenangannya di California yang mempunyai 55 undi badan perwakilan pemilih – yang terbanyak, perjalanan beliau ke Rumah Putih terkandas.

Trump bukan sahaja menang di Florida yang mempunyai 25 undi badan perwakilan pemilih yang pada mulanya dijangkakan memihak kepada Clinton, bahkan beliau menawan sebuah demi sebuah negeri berayun yang dianggap sebagai “dinding api” calon Demokrat, Clinton, iaitu Wisconsin, Ohio dan North Carolina. Pennsylvania yang dijangkakan Clinton menang selesa, tambahan pula,

pada malam terakhir, beliau bersama-sama suaminya, Bill, Presiden Barack Obama dan isterinya Michelle, berkempen bersama-sama selebriti, dihadiri puluhan ribu orang, turut jatuh ke tangan Trump.

Berikutan kemenangan Trump, dunia resah dan pasaran bergegar seketika, manakala di AS sendiri, disambut dengan protes jalanan, “bukan presiden kami”. Banyak ulasan tentang kemenangan itu, antaranya kemenangan ketuanan kulit putih, kebangkitan populisme yang dijangkakan merebak ke seluruh dunia, dan kekalahan liberalisme serta neoliberalisme.

Immanuel Wallerstein dalam laman webnya mengulas keputusan pilihan raya itu, dengan mengingatkan bahawa AS sedang mengalami kemerosotan struktur dan bukannya sesuatu dalam kuasa presiden untuk membendung, meskipun negara itu masih merupakan kuasa ketenteraan yang sangat hebat. Dalam “The U.S. Election: It’s Over at Last, or is it?”. Wallerstein juga mengingatkan bahawa

tidak ada sebuah negara pada hari ini akan mengikut tuntunan AS sekiranya negara berkenaan berasakan bahawa kepentingannya sendiri diabaikan.

Hal ini benar bukan sahaja China, Rusia, Iran, dan pastinya Korea Utara, tetapi juga Jepun dan Korea Selatan, India dan Pakistan, Arab Saudi dan Turki, Perancis dan Jerman, Poland dan negara Baltic, dan negara yang dahulunya sekutu istimewa AS, seperti Israel, Great Britain dan Kanada.

Rusia dan beberapa puak kanan jauh di beberapa buah negara merayakan kemenangan Trump. Kira-kira seminggu selepas kemenangan itu, pemimpin parti kanan jauh Perancis, Marine Le Pen, bukan sahaja melompat keriangannya, tetapi juga membayangkan dirinya akan menang dalam Pilihan Raya Presiden Perancis pada tahun 2017. Le Pen, pemimpin parti Barisan Nasional, pergi lebih jauh, dengan mengatakan bahawa beliau sebagai presiden akan membentuk tiga serangkai dengan Presiden Trump dan Presiden Rusia Vladimir Putin bahawa "akan baik untuk keamanan dunia". Beliau dipetik sebagai berkata demikian ketika merasmikan ibu pejabat kempenya untuk pilihan raya Perancis tahun 2016, hanya kurang dua kilometer dari istana Presiden Elysee.

Le Pen terkenal dengan sikap anti-Eropah dan antiimigresen dan satu-satunya pemimpin politik Perancis yang menyokong Trump, dinaikkan semangat kemenangan Trump dan oleh undi Britain meninggalkan Kesatuan Eropah. Beliau berharap wujud gelombang *anti-establishment* yang sama di Perancis untuk membolehkannya meraih kemenangan. Beliau menegaskan "wujud gerakan di seluruh dunia yang menolak globalisasi yang tanpa disekat, ultraliberalisme yang memusnahkan ... penghapusan negara bangsa, lenyapnya sempadan".

Le Pen, seperti Trump, dikatakan mendapat kekuatan daripada mendakwa dirinya orang luar kerana parti kiri dan parti kanan pernah memerintah, bahkan pernah sama-sama memerintah Perancis dan mereka semua telah lusu. Oleh sebab pernah mencuba kedua-dua parti itu dan kedua-



Marine Le Pen menyokong penuh kepimpinan Trump

duanya tidak berbuat apa-apa untuk mereka, maka kini tiba untuk mereka mencuba partinya pula.

Gelombang populis Trump dikatakan melanda seluruh Eropah. Di Eropah, gerakan populis, yang sebelum ini mendapat suntikan semangat berikutan "Brexit," semakin bersemangat berikutan kemenangan Trump. Selain Perancis, beberapa buah negara di benua itu, dengan parti sayap kanan menggunakan kesempatan kemenangan Trump sebagai bukti kuat bahawa pendirian nasionalistik yang kuat terhadap perdagangan dan imigresen, akan menggerakkan mereka untuk berkuasa. Kim Hjeltngaard yang menulis dalam *USA Today*, "Donald Trump's populist Wave Sweeps Through Europe", menegaskan bahawa gelombang populisme telah pun merebak ke Eropah Timur, dengan negara yang termasuk Croatia, Hungary, Poland, dan Slovenia mempunyai kerajaan kekananan. Jauh ke barat, Austria pada bulan Disember 2016 berkemungkinan memilih ketua negara kanan jauh pertama sejak Perang Dunia Kedua. Perancis, Jerman dan Belanda akan mengadakan pilihan raya umum pada tahun 2017, juga menyaksikan anjakan gaya AS dari segi sokongan daripada parti arus perdana kepada parti nasionalis *anti-establishment*.

Trend ini muncul di tengah-tengah kebimbangan terhadap prospek kerja yang lemah yang berkaitan dengan globalisasi, di samping krisis pendatang yang dilihat sebagai ancaman terhadap keselamatan dan kehabisan faedah kebajikan masyarakat. Banyak orang Eropah menyalahkan masalah terhadap berdekad-dekad keanggotaan dalam Kesatuan Eropah, yang mereka berasa tidak menyedari kebimbangan terhadap aliran bebas buruh dan migrasi dalam blok 28 buah negara itu.

Kemenangan Trump juga dikatakan sebagai permulaan gelombang populis global. Beliau kini di barisan hadapan global untuk gerakan kanan jauh yang cuba memperkukuh kedudukan sebagai akibat rangutan politik, ekonomi dan budaya dalam kalangan orang ramai. Kemenangan demi kemenangan, daripada "Brexit" kepada Trump, dianggap sebagai kemenangan mereka yang menegaskan tindakan kuat terhadap kedaulatan undang-undang, unilateralisme dan bukannya kerjasama, dan kepentingan golongan majoriti mengatasi hak etnik dan agama golongan minoriti. Sementara itu, di rantau Asia Tenggara, Rodrigo Duterte memenangi jawatan Presiden Filipina, yang semasa menjadi calon menjanjikan keganasan terhadap penjenayah, seperti pengedar dan pengguna dadah. Sebaik-baik sahaja dipilih sebagai presiden, beliau memperlihatkan percubaan menjauhkan negaranya daripada AS, dan sebaliknya berbaik-baik dengan China.

Obama, dalam rangka lawatannya ke beberapa buah negara Eropah pada pertengahan November lalu, dipetik sebagai berkata bahawa kemenangan Trump dan undi "Brexit" berpunca daripada kesilapan menangani globalisasi, mencerminkan pemberontakan politik di Barat

terhadap ketidaksamaan ekonomi, dihasilkan oleh pemimpin yang silap menangani globalisasi. Beliau berkata demikian ketika berucap di Athens, mempertahankan institusi demokrasi juga menegaskan bahawa laluan semasa globalisasi menuntut pembedaan laluan. Secara lebih luas, Obama melahirkan keprihatinan mendalamnya terhadap potensi peretakan orde politik Eropah kerana cabaran populis yang lahir daripada kerisauan terhadap globalisasi.

Robert D. Kaplan dalam bukunya, *Warrior Politics: Why Leadership Demands a Pagan Ethos*, menegaskan: "Kejahatan dan kecekalan pada abad ke-21 mungkin juga bangkit daripada gerakan populis, mengambil kesempatan daripada pendemokrasian, dimotivasikan pada masa ini oleh kepercayaan agama dan taifah, dan diperkasa oleh revolusi pascaperindustrian. Puak ekstremis Hindu yang merobohkan masjid pada awal tahun 1990-an dan menyerang orang Kristian pada akhir tahun 1990-an terdiri daripada gerakan kelas pekerja dalam demokrasi India, yang menggunakan kaset video dan internet untuk menyebarkan mesej mereka. Fenomena yang sama berlaku di Indonesia, Iran, Nigeria, Algeria, Mexico, Fiji, Mesir, Pakistan, Tebing Barat dan Arab Nazareth, sekadar menyebut beberapa tempat yang menggunakan teknologi komunikasi moden untuk mencetuskan kecacauan oleh kumpulan agama dan etnik, terutamanya kelas pekerja yang diinspirasikan oleh pendemokrasian".

Dalam keluaran pertengahan November 2016, *The Economist* muncul dengan "New Nationalism", mengingatkan bahawa Trump dengan seruan "dahulukan Amerika" ialah rekrut terbaharu kepada nasionalisme yang bahaya. "Selamat datang nasionalisme baharu. Untuk pertama kali sejak Perang Dunia Kedua, kuasa agung dan kuasa yang sedang bangkit secara serentak menjadi hamba kepada pelbagai jenis chauvinisme. Seperti Trump, pemimpin negara, seperti Rusia, China dan Turki, mendakap pandangan pesimistik bahawa hal ehwal asing selalunya permainan hasil tambah sifar yang kepentingan global bersaing dengan kepentingan nasional. Hal ini merupakan peluang besar yang menjadikan dunia semakin bahaya".

Menurut makalah ini, nasionalisme ialah konsep licin, yang menyebabkan ahli politik mendapati sangat mudah untuk dimanipulasikan. Yang terbaik, nasionalisme menyatukan negara dengan nilai bersama untuk mencapai perkara yang tidak pernah diurus oleh orang ramai seorang diri. "Nasionalisme sivik" ini menenteramkan dan pandangan ke hadapan, seperti nasionalisme Peace Corps, patriotisme inklusif Kanada atau orang Jerman menyokong pasukan tuan rumah sebagai hos Piala Dunia 2006. Nasionalisme sivik merayu kepada nilai universal, seperti kebebasan dan kesamaan. Nasionalisme ini berbeza daripada "nasionalisme etnik," yang

Obama, dalam rangka lawatannya ke beberapa buah negara Eropah pada pertengahan November lalu, dipetik sebagai berkata bahawa kemenangan Trump dan undi "Brexit" berpunca daripada kesilapan menangani globalisasi, mencerminkan pemberontakan politik di Barat terhadap ketidaksamaan ekonomi, dihasilkan oleh pemimpin yang silap menangani globalisasi.

tambah sifar, agresif, dan nostalgik, dan membangkitkan ras atau sejarah untuk menjadikan negara berpecah-belah. Ketika detik gelapnya pada bahagian pertama abad ke-20, nasionalisme etnik membawa peperangan.

Menurut makalah itu lagi, populisme Trump merupakan tamparan terhadap nasionalisme sivik. Tidak ada sesiapa pun boleh meragui patriotisme presiden pascaperang sebelumnya, tetapi setiap daripadanya menyokong nilai universal AS dan menggalakkan nilai ini di luar negara. "Amerika menyokong orde berasaskan peraturan. Dengan menyokong institusi global yang mengelakkan dunia dog-eat-dog, Amerika Syarikat menjadikan dirinya dan dunia lebih selamat dan lebih makmur".

"Trump mengancam untuk melemahkan komitmen itu, bahkan sebagai nasionalisme etnik, hal ini mengukuh di tempat lain. Di Rusia, Vladimir Putin menghindarkan nilai liberal kosmopolitan kerana dengan jelasnya campuran Rusia tradisi Slavic dan Kristian Ortodoks. Di Turki, Recep Tayyip Erdogan mengelak daripada Kesatuan Eropah dan daripada rundingan damai dengan minoriti Kurdish, serta mengutamakan nasionalisme Islam yang lantang yang cepat mengesan penghinnaan dan ancaman dari luar. Di India, Narendra Modi masih berpandangan ke luar dan memodenkan, tetapi beliau terikat dengan kumpulan etnik Hindu nasionalis yang radikal yang menganjurkan chauvinisme dan tidak bertoleransi".

Sementara itu, nasionalisme Cina menjadi terlalu marah dan penuh dendam yang terkial-kial oleh parti untuk mengawalinya. Meskipun China bergantung pada pasaran terbuka, mendakap beberapa buah institusi global dan mahu rapat dengan AS, dari tahun 1990-an dan seterusnya, kanak-kanak sekolah menerima dua harian pendidikan "patriotik" menetapkan misi untuk memadamkan satu abad pendudukan yang mengaibkan. Kecuali puak Han, setiap orang yang lain ialah warganegara kelas kedua.

Nasionalisme baharu ini boleh dikaitkan dengan perkembangan yang berlaku di Barat dan di Timur, iaitu kebangkitan kaum atau etnik sebagai respons terhadap ekonomi global. Seperti yang dibahaskan oleh Samir Amin dalam bukunya, *Capitalism in the Age of Globalization*, kebangkitan pada peringkat global ini adalah dalam bentuk fahaman wilayah, penegasan linguistik dan budaya, kesetiaan kepada kabilah atau etnik, kesetiaan kepada kumpulan agama, dan rasa cinta akan komuniti tempatan yang mencerminkan krisis negara bangsa. 